

Analisis Keperluan Tenaga Manusia dalam Industri Pelancongan di Malaysia

Manpower Needs Analysis in Tourism Industry in Malaysia

Nurul Ain Mokhtar ain3001@gmail.com

Poo Bee Tin PBT@ukm.my

Norlida Hanim Mohd Salleh norlidahanim@gmail.com

Pengajian Ekonomi

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Industri pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini berikutan berlakunya peningkatan dalam output pengeluaran subsektor di bawahnya seperti sektor perdagangan borong dan runcit serta komunikasi yang mengalami peningkatan yang paling memberangsangkan pada tahun 2010 sehingga Malaysia mengunjurkan subsektor runcit mengalami peningkatan yang memberangsangkan kesan daripada kedatangan pelancong yang lebih tinggi dari negara berpendapatan tinggi pada tahun 2011. Seiring dengan itu, permintaan guna tenaga khususnya dari subsektor tersebut turut meningkat. Ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan adalah salah satu daripada subsektor yang menyerap banyak guna tenaga berbanding subsektor perkhidmatan yang lain. Prospek guna tenaga yang positif ini seterusnya menguatkan lagi jangkaan peningkatan dalam pendapatan isi rumah. Oleh itu, kerajaan telah mensasarkan Malaysia menjadi 10 negara teratas dari segi perolehan pendapatan dari sektor pelancongan global di samping menjana 2 juta pekerjaan kepada rakyat Malaysia menjelang tahun 2015. Namun, kadar peningkatan dalam guna tenaga yang lebih rendah berbanding peningkatan dalam output keluaran industri pelancongan menyukarkan sasaran dicapai. Pada tahun 2010, industri pelancongan telah mengalami peningkatan dalam output keluaran sebanyak 7.9% manakala guna tenaga sebanyak 0.6% berbanding pada tahun 2009 yang mengalami peningkatan sebanyak 1.7% dalam output keluaran manakala 4.9% dalam guna tenaga. Kadar peningkatan yang semakin berkurangan dalam guna tenaga dalam sektor pelancongan ini telah menyebabkan produktiviti buruh juga turut terjejas kerana penggunaan guna tenaga tidak berada pada tahap yang optimum. Oleh itu, kertas ini membuat kajian tentang unjuran keperluan tenaga manusia dalam industri pelancongan di Malaysia bagi memberi gambaran awal keperluan tenaga manusia dalam sektor pelancongan pada tahun 2015. Kajian ini menggunakan kaedah input output sebagai kerangka kajian bagi membuat unjuran keperluan tenaga manusia pada tahun 2015. Hasil kajian mendapati bahawa sektor pelancongan yang meliputi subsektor hotel, restoran, pengangkutan, hiburan dan rekreasi serta perdagangan runcit mengalami peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2015. Subsektor hiburan dan rekreasi serta perdagangan runcit merupakan subsektor yang menjadi penyumbang terbesar keperluan tenaga manusia pada tahun 2015.

Kata Kunci: Pelancongan, Input-Output, Unjuran, Tenaga Manusia.

ABSTRACT

The tourism industry is one of the sector which is the main contributor to economic growth. This is due to an increase in production output of sub-sectors under it as the wholesale and retail trade and communication sectors have increased during the year 2010. Thus, Malaysia expects the retail sub-sector improved significantly to the impact of higher tourist arrivals from high-income countries year 2011. Similarly, employment demand, especially from the sub-sectors also increased. This indicates that the tourism sector is one of which absorb a lot of sub-employment compared to other sub-services. Positive employment prospects are further strengthening the expected increase in household income. Therefore, to improve Malaysia's position into the top 10 in terms of revenue earnings from the tourism sector globally, and generating 2 million jobs to the people of Malaysia by the year 2015. However, the

rate of increase in employment was lower than the increase in production output target difficult to achieve the tourism industry. In 2010, the tourism industry has experienced an increase in production output by 7.9% and employment by 0.6% compared to the year 2009 which showed an increase of 1.7% in production output and 4.9% in employment. Therefore, this paper studies projection on manpower needs of the tourism industry in Malaysia to provide an initial overview of human energy needs in the tourism sector in 2015. This study uses input-output method as a conceptual framework for projecting manpower requirements in 2015. The results showed that the tourism sub-sectors covering hotels, restaurants, transportation, entertainment and recreation and retail trade impressive improved significantly in 2015. Entertainment and recreation sub-sector and retail trade sub sector is the largest source of human energy needs in 2015.

Keywords: Tourism, Input-Output, Projections, Manpower.

PENGENALAN

Sektor pelancongan merupakan salah satu daripada subsektor yang terpenting dalam industri perkhidmatan. Tahun 2006 telah menjadi titik tolak kepada peningkatan output keluaran subsektor utama perkhidmatan ini sehingga menjadi salah satu daripada penyumbang utama pendapatan negara melebihi industri pembuatan yang merupakan penyumbang utama pendapatan negara sebelum ini. Pada tahun, 2010, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak 12.7% kepada KDNK negara mengatasi subsektor-subsektor lain dalam sektor perkhidmatan. Ini berikutan berlakunya peningkatan dalam sektor perdagangan borong dan runcit dan komunikasi kesan daripada peningkatan dalam kedatangan pelancong di Malaysia. Peningkatan output keluaran dalam sektor pelancongan telah memberikan kesan positif kepada peningkatan dalam peluang pekerjaan di Malaysia. Industri perdagangan runcit serta industri makanan dan minuman merupakan subsektor yang mendominasi keperluan tenaga manusia iaitu sebanyak 668,500 orang dan 418,900 orang pekerja pada tahun 2010. Secara keseluruhannya, semua sub sektor dalam pelancongan mengalami peningkatan setiap tahun dalam tenaga manusia.

Sektor pelancongan merupakan sektor yang berasaskan perkhidmatan. Oleh itu, sektor ini amat memerlukan sumbangan tenaga manusia bagi meningkatkan produktiviti output keluaran dalam sektor pelancongan. Hal ini kerana industri perkhidmatan pelancongan merupakan industri perkhidmatan yang berintensifkan buruh yang menyebabkan industri ini memerlukan tenaga manusia yang ramai. Aktiviti pelancongan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan tidak kira sama ada penduduk tersebut tergolong dalam kelas buruh tidak mahir atau mahir, peningkatan dalam sektor pelancongan mendatangkan keuntungan kepada seluruh buruh yang terlibat dalam industri pelancongan. (Liu 2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelancongan biasanya digunakan sebagai alat untuk merangsang ekonomi yang marginal serta menggalakkan pembangunan melalui menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan. Walaupun tidak selalunya dinyatakan dengan jelas, ia adalah satu cara untuk mengurangkan mobiliti buruh ke kawasan tertentu sahaja. Dalam satu kajian lain pula, (Hojeghan 2011) menyatakan bahawa sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang mempengaruhi ekonomi negara-negara maju sehingga menjadi penjana utama peluang pekerjaan. Sektor pelancongan juga meningkatkan rangkaian maklumat dan memanfaatkan modal sumber manusia dengan menggabungkan inovasi dan pelaburan pengetahuan. (Stephen 2012) Dalam kajiannya pula menyatakan bahawa usaha giat yang dilakukan telah menjadikan produk pelancongan berasaskan makanan menjadi salah satu daripada penyumbang besar kepada pendapatan negara Singapura. Ini menunjukkan bahawa peningkatan output dalam industri pelancongan memberi pelbagai faedah kepada ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, kebanyakan industri termasuk industri pelancongan mengalami kadar peningkatan dalam tenaga manusia yang perlahan jika dibandingkan dengan kadar perubahan output keluaran industri. Ini menyebabkan tahap produktiviti industri berada pada tahap yang tidak optimum. Oleh itu, unjuran tenaga manusia amat penting bagi mendapat gambaran awal tingkat tenaga manusia bagi disesuaikan dengan output keluaran dalam industri pelancongan. Ia menjadi rujukan bagi sesebuah negara membuat keputusan seperti peruntukan atau pelaburan yang diperlukan bagi mencapai tahap pengeluaran yang optimum. Kekurangan atau lebihan dalam penggunaan tenaga manusia akan mengurangkan produktiviti serta meningkatkan kos tanggungan industri pelancongan. Peningkatan dalam ketibaan pelancong asing pada tahun 2009 perlu dikekalkan dan ditingkatkan secara berterusan bagi memastikan negara menjadi sebuah negara yang mencapai ekonomi yang berteraskan perkhidmatan yang berkualiti kelak.

Oleh itu, kaedah unjuran yang tepat diperlukan bagi memastikan anggaran tidak terlalu berbeza dengan nilai sebenar buruh dan output. Kajian kuantitatif merupakan kajian yang memberi gambaran jelas terhadap nilai anggaran buruh pada masa hadapan. Kaedah yang sering digunakan adalah kaedah ekonometrik yang melibatkan data siri masa dan kerangka model input output. Kertas ini menggunakan kaedah input output bagi mengetahui tahap kebergantungan output keluaran antara industri dan tenaga manusiayang diperlukan bagi diseimbangkan dengan output keluaran industri pelancongan. Kaedah input output memberi gambaran awal keperluan tenaga manusia bagi tahun 2015 melalui unjuran yang dibuat ke atas keseluruhan buruh makro dan output mengikut sektor pada tahun 2005 dan 2008. Keperluan tenaga buruh yang diunjurkan terbahagi kepada tiga senario. Senario tersebut menunjukkan hubungan antara buruh, output dan pertumbuhan ekonomi pada tahap tertentu. Unjuran yang terperinci ini memudahkan kerajaan membuat keputusan berkaitan dengan dasar serta aliran dana yang perlukan bagi membantu meningkatkan industri yang berpotensi untuk berkembang pada masa hadapan. Penggunaan kaedah input output telah digunakan secara meluas di beberapa buah negara maju bagi membuat unjuran ke atas guna tenaga serta pada masa hadapan.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas merupakan salah satu daripada aspek kajian yang terpenting. Ia menjadi rujukan dan panduan bagi memudahkan pengkajian para pengkaji. Unjuran tenaga manusia semakin giat dijalankan di negara membangun setelah Manpower Focating Approach (MFA) ditubuhkan pada tahun 1960. Menurut Spalletti (2009), objektif utama perancang tenaga manusia adalah untuk membuat unjuran permintaan pekerjaan pada masa hadapan. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh MFA untuk melakukan unjuran, antaranya ialah dengan menggunakan kaedah ekonometrik bagi menerangkan kesan perubahan yang berlaku dalam ekonomi terhadap industri dan pekerjaan yang diterangkan melalui model ekonometrik. Psacharopoulos (1983) telah mengkaji berkaitan dengan pendekatan unjuran guna tenaga dan kadar pulangan pendidikan menyatakan bahawa terdapat banyak kelemahan dalam teknik yang digunakan untuk membuat unjuran tenaga manusia yang menyebabkan unjuran yang dilakukan tidak tepat. Menurut beliau lagi, unjuran tenaga manusia dan pendidikan perlu seiring bagi memastikan pengeluaran buruh yang berkualiti memenuhi permintaan buruh di pasaran.

Rahmah et.al (2010) telah mengkaji tentang keperluan tenaga mahir dalam sektor perkhidmatan di Malaysia. Kajian tersebut menggunakan kaedah ekonometrik bagi mengkaji keperluan tenaga mahir dalam sektor perkhidmatan. Subsektor dalam pelancongan juga telah dimasukkan ke dalam sektor perkhidmatan yang dikaji kerana sektor pelancongan merupakan salah satu daripada subsektor perkhidmatan. Dengan kata lain, sektor pelancongan terbentuk hasil daripada gabungan beberapa subsektor dalam perkhidmatan dan ia saling berhubung dengan subsektor perkhidmatan yang lain. Antara subsektor pelancongan yang dimasukkan ke dalam kajian adalah perdagangan runcit, pengangkutan, hotel dan restoran. Hasil daripada kajian beliau mendapati bahawa sektor dalam pelancongan khususnya perdagangan borong dan runcit serta hotel dan restoran akan mengalami peningkatan dalam keperluan tenaga manusia pada tahun 2010-2015. Prospek peningkatan ini juga menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan dalam permintaan jumlah tenaga mahir sehingga hasil unjuran mendapati bahawa lebih daripada separuh tenaga mahir diperlukan menjelang tahun 2010-2015.

Manpower Requirement model telah diperkenalkan oleh Psacharopoulos (1973) yang merupakan satu model yang menunjukkan hubungan antara pengeluaran input industri dengan keperluan tenaga kerja. Model yang telah dibentuk ini telah diubah suai mengikut kesesuaian ekonomi pada masa kini. Poo et.al(2011) telah menggunakan pendekatan MRA dalam kajiannya untuk mengkaji keperluan tenaga manusia dalam sektor pembuatan di Malaysia. Data input output digunakan untuk mendapatkan model MRA. Model tersebut telah diselaraskan bagi memperoleh hasil kajian yang lebih tepat dan terperinci. Hasil daripada kajian beliau mendapati bahawa permintaan terhadap pekerja mahir adalah tinggi apabila sektor pembuatan mengalami penambahan nilai yang tinggi dalam produk pembuatan dan aktiviti pembuatan.

Terdapat juga kaedah lain yang digunakan untuk membuat unjuran tenaga manusia. Antaranya ialah pendekatan RAS. Model RAS merupakan model yang sering digunakan untuk membuat unjuran terhadap tenaga manusia. Eijs (1995) Model RAS mula diperkenalkan pada tahun 1960an. Model ini digunakan untuk unjuran keperluan tenaga manusia pada masa hadapan melalui keperluan tenaga manusia mengikut industri pada masa kini. Antara kelebihan model ini adalah model yang dibentuk boleh menerangkan hubungan antara upah yang bergantung pada pendidikan berbanding pekerjaan. Namun, kaedah ini juga mempunyai kelemahan iaitu dari penyelesaian masalah pengganda dan masalah data tidak lengkap boleh menjejaskan proses dan hasil pengiraan.

Kaedah ekonometrik lain yang sering digunakan adalah pendekatan Vector Auto Regression (VAR). Allen (2001) menyatakan bahawa kaedah VAR adalah kaedah mudah yang digunakan untuk meramal. Kaedah yang sering digunakan dalam unjuran adalah kaedah kuasa dua terkecil. Model dalam kaedah ini mudah difleksibelkan mengikut pemboleh ubah yang dikaji. Walau bagaimanapun, hasil kaedah VAR terhad kepada pemboleh ubah yang diuji dan sukar untuk mendapatkan data yang tepat bagi menggambarkan keadaan ekonomi sebenar.

Peningkatan mendadak dalam kajian yang dilakukan dalam sektor pelancongan menandakan bahawa sektor pelancongan semakin menjadi salah satu daripada sektor yang terpenting bagi ekonomi negara. Negara membangun mula menyedari kepentingan sektor pelancongan dalam membangunkan ekonomi di samping mengurangkan kadar pengangguran. Song (2005) dalam kajiannya berkaitan model dan pendekatan yang digunakan untuk membuat unjuran dalam sektor pelancongan mendapati bahawa sejak dua puluh tahun lalu, hanya sedikit jurnal akademik dalam sektor pelancongan yang telah dihasilkan. Namun kini, terdapat 70 jurnal yang telah dihasilkan berkaitan sektor pelancongan yang lebih tertumpu kepada ramalan dan permodelan permintaan dalam sektor pelancongan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kaedah ekonometrik yang melibatkan data siri masa merupakan kaedah yang paling kerap digunakan untuk melakukan unjuran dalam sektor pelancongan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kerangka model input-output sebagai method dalam menganalisis unjuran tenaga manusia dalam sektor pelancongan. Menurut kajian (Yusof 2006) Model input-output yang dihasilkan memberikan gambaran yang paling hampir dengan perakaunan negara yang menunjukkan aliran barang akhir serta keseimbangan faktor dan bukan faktor pendapatan dalam sesebuah sektor. Kaedah ujuran yang terbaik adalah kaedah Input Output yang dianggap sebagai ramalan konsisten dan paling hampir dengan nilai sebenar. Matriks songsang Leontif dalam kajian ini ditunjukkan seperti di bawah dimana A adalah matrik koefisyen input dan X dan F masing-masing adalah vektor lajur output dan barang akhir (Yusof, et .al 2006):

$$X=AX+F$$

$$\text{dengan } X = \begin{bmatrix} X_1 \\ X_2 \\ \vdots \\ X_n \end{bmatrix} \quad A = \begin{bmatrix} k_{11} & k_{12} & \dots & k_{1n} \\ k_{21} & k_{22} & \dots & k_{2n} \\ \vdots & \dots & \dots & \vdots \\ k_{n1} & k_{n2} & \dots & k_{nn} \end{bmatrix} \quad F = \begin{bmatrix} F_1 \\ F_2 \\ \vdots \\ F_n \end{bmatrix} \quad (1)$$

Dari persamaan (1), kita dapat menyelesaikan X berdasarkan matriks koefisyen input dan vektor lajur permintaan akhir seperti persamaan (2) berikut:

$$\begin{aligned} X - AX &= F \\ (I - A)X &= F \\ X &= (I - A)^{-1} F \end{aligned} \quad (2)$$

dengan $(I - A)^{-1}$ ialah matriks songsang Leontif.

Bagi membuat unjuran, Model Keperluan Tenaga manusia Industri telah digunakan bagi memberikan gambaran yang jelas berkaitan unjuran tenaga manusia dan output keluaran industri. Model yang digunakan merupakan model yang diperkenalkan oleh Psacharoupoulos (1973). Namun, Poo et.al (2011) ia telah diubahsuai mengikut pendekatan yang diperlukan. Persamaan keperluan tenaga manusia bagi n sektor ditunjukkan seperti di bawah:

$$L = l(I - A)^{-1}(F)^A \quad (3)$$

() ^ menunjukkan matrik pepenjuru bagi vektor F dalam kurungan. Pekali bagi matrik tenaga manusia iaitu l pada tahun asas tidak akan sama seperti ramalan unjuran. Hal ini kerana, bagi mengira perubahan produktiviti tenaga manusia, setiap elemen dalam matrik l perlu diubah. Disini dapat dilihat perbezaan persamaan yang dibentuk antara Psacharoupoulos (1973) yang membentuk fungsi buruh dengan andaian semua buruh adalah homogenous manakala Poo et.al (2011) membentuk persamaan tenaga manusia yang telah diubahsuai dengan andaian tenaga buruh dipengaruhi oleh tingkat produktiviti tenaga kerja. Oleh itu, kadar pertumbuhan tahunan buruh (π) telah dimasukkan ke dalam persamaan asal Psacharoupoulos (1973). Berikut adalah persamaan yang diterbitkan Poo et.al (2011):

$$L = l_{adj} (I - A_t)^{-1} (F_T)^A \quad (4)$$

Dimana:

$$\text{Hadj} = \mathbf{b} \pi$$

\mathbf{L}^T = unjuran tenaga manusia bagi sektor n (bilangan pekerja)

\mathbf{b} = matrik pekali bagi tahun asas tenaga manusia

π = elemen pelarasan produktiviti tenaga manusia mengikut sektor dan kategori pekerjaan

$(\mathbf{I} - \mathbf{A})^{-1}$ = matrik songsang Leontief pada tahun asas dan

$(\mathbf{F})^A$ = unjuran bagi matrik pepenju terhadap permintaan akhir

Persamaan 4 menunjukkan tenaga manusia mengikut anggaran pekerjaan dalam sektor pelancongan pada masa hadapan dibentuk melalui faktor kadar pertumbuhan produktiviti tenaga manusia dan tingkat output anggaran. Manakala kadar pertumbuhan tahunan buruh mengikut pekerjaan (π) akan mengukur pelarasan pertumbuhan produktiviti tenaga manusia.

HASIL KAJIAN

Sektor pelancongan terdiri daripada gabungan 5 subsektor utama yang terdapat di dalam sektor perkhidmatan iaitu subsektor hotel, restoran, pengangkutan, perdagangan runcit serta subsektor hiburan, dan rekreasi. Guna tenaga yang diunjurkan adalah berdasarkan kepada 3 senario iaitu pada kadar pertumbuhan ekonomi 5.8% iaitu pada tahap yang ekonomi stabil, ekonomi negara dijangka meningkat pada kadar 7.8% dan ekonomi negara dijangka menurun pada kadar 3.8%. Unjuran tenaga manusia dilakukan adalah untuk melihat gunatenaga yang diperlukan pada tahun 2015.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengagregatkan keseluruhan sektor–sektor utama di Malaysia kepada 18 sektor. 5 sektor lain iaitu pertanian, perlombongan dan kuari, elektrik, gas dan air, pembinaan serta pembuatan. Manakala 7 subsektor di bawah perkhidmatan selain daripada subsektor dibawah pelancongan ialah perdagangan borong dan kenderaan bermotor, pengangkutan lain, komunikasi, kewangan dan insurans, hartanah dan pemilikan kediaman, perkhidmatan swasta, dan perkhidmatan kerajaan.

Jadual dibawah menunjukkan perbezaan jumlah keperluan tenaga manusia pada tahun 2015 dan 2008. Unjuran dilakukan berdasarkan tiga senario kadar pertumbuhan ekonomi iaitu pada kadar 5.8%, 7.8% dan 3.8% memberi kesan kepada jumlah keperluan tenaga manusia pada tahun unjuran. Pada kadar ekonomi stabil iaitu 5.8%, jumlah keperluan tenaga manusia adalah sebanyak 86,455,405 orang. Manakala pada keadaan pertumbuhan ekonomi berada pada kadar 7.8% dan 3.%, jumlah keperluan tenaga manusia berjumlah 116,254,405 dan 52,497,901 orang. Jumlah tenaga manusia pada tahun 2015 telah dibezakan dengan tenaga manusia pada tahun 2008 yang berjumlah 10,659,500 orang. Ini menunjukkan bahawa pada kadar pertumbuhan ekonomi 5.8%, keperluan tenaga manusia meningkat sebanyak 75,785,905 orang manakala pada kadar pertumbuhan ekonomi 7.8% jumlah keperluan tenaga manusia mengalami peningkatan sebanyak 105,594,665 orang. Manakala penurunan kadar pertumbuhan ekonomi menyebabkan jumlah keperluan tenaga manusia mengalami peningkatan yang sedikit iaitu sebanyak 41,838,401 orang sahaja. Ini membuktikan bahawa pertumbuhan ekonomi negara mempengaruhi permintaan tenaga manusia di Malaysia.

JADUAL 1: Perbezaan Keperluan Tenaga Manusia pada tahun 2015 dan 2008

KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI	JUMLAH KEPERLUAN TENAGA KERJA PADA TAHUN 2015	PERBEZAAN KEPERLUAN TENAGA MANUSIA (2015-2008)
5.8%	86,445,405	75,785,905
7.8%	116,254,165	105,594,665
3.8%	52,497,901	41,838,401

Hasil daripada unjuran yang dilakukan mendapati bahawa sektor pelancongan menjadi subsektor yang tertinggi menyumbang tenaga manusia di Malaysia. Ini berikutan berlakunya peningkatan dalam semua subsektor dalam sektor pelancongan. Berdasarkan jadual di bawah, pada kadar ekonomi stabil iaitu

sebanyak 5.8%, subsektor hiburan dan rekreasi memerlukan tenaga manusia sebanyak 12,816,144 orang pekerja mengatasi empat subsektor lain dalam pelancongan iaitu sub sektor perdagangan runcit yang memerlukan sebanyak 6,786,922 orang pekerja diikuti oleh subsektor restoran sebanyak 913,249 orang, pengangkutan sebanyak 448,790 orang dan subsektor yang memerlukan tenaga kerja paling rendah adalah subsektor hotel iaitu sebanyak 166,366 orang sahaja. Selain itu, subsektor hiburan dan rekreasi juga merupakan subsektor keempat tertinggi yang menyumbang tenaga manusia dalam 18 subsektor ekonomi selepas sektor perkhidmatan swasta, pertanian, perhutanan dan perikanan serta perdagangan borong dan kenderaan bermotor. Secara keseluruhannya, sektor pelancongan mendominasi keperluan tenaga manusia sebanyak 21,134,441 orang pada tahun 2015. Manakala peratus sumbangan tenaga kerja pada tahap ekonomi stabil adalah sebanyak 24.45% daripada jumlah keperluan tenaga manusia pada tahun 2015. Ini menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan yang drastik dalam penggunaan tenaga manusia sepanjang tempoh tujuh tahun dalam sektor pelancongan. Hal ini kerana, pada tahun 2008, sektor pelancongan hanya menyumbang sebanyak 16% daripada jumlah tenaga buruh makro di Malaysia.

Pada kadar pertumbuhan ekonomi meningkat sebanyak 7.8%, ekonomi dijangka mengalami peningkatan dalam output keluaran dalam sektor pelancongan berdasarkan kepada peningkatan dalam keperluan tenaga manusia dalam subsektor-subsektor dalam pelancongan terutamanya dalam sektor hiburan dan rekreasi sebanyak 17,239,499 orang. Manakala sub sektor kedua menyumbang tenaga manusia adalah subsektor perdagangan runcit sebanyak 9,127,240 orang diikuti oleh subsektor pelancongan lain seperti restoran dan pengangkutan masing-masing menyumbang sebanyak 1,228,162 orang dan 603,545 orang tenaga manusia. Subsektor hotel masih lagi merupakan penyumbang tenaga manusia terendah berbanding sektor lain dengan keperluan tenaga manusia sebanyak 223,733 orang sahaja. Kadar peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi negara Malaysia sebanyak 2% menyebabkan berlakunya peningkatan yang drastik dalam keperluan tenaga manusia dalam sektor pelancongan Malaysia iaitu sebanyak 7,287,738 orang tenaga manusia. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi 2% telah menyebabkan peningkatan dalam tenaga buruh dalam sektor pelancongan sebanyak 8.43%.

Manakala pada kadar ekonomi menurun sebanyak 3.8% , jumlah permintaan tenaga manusia bagi semua sektor mengalami penurunan. Pada tahap ini, subsektor hiburan dan rekreasi menyumbang sebanyak 8,398,730 orang tenaga buruh diikuti oleh subsektor dalam restoran sebanyak 598,335 orang tenaga manusia mengatasi sub sektor perdagangan runcit yang mengalami penurunan mendadak berbanding sub sektor restoran iaitu sebanyak 392,286 orang tenaga manusia. Manakala subsektor hotel dan pengangkutan masih lagi merupakan antara subsektor terendah yang menyumbang tenaga manusia dengan masing-masing menyumbang sebanyak 294,035 orang dan 108,998 orang tenaga manusia. Jumlah keperluan tenaga manusia telah berkurang sebanyak 11,342,056 orang berbanding apabila pertumbuhan ekonomi berada pada tahap yang stabil. Secara keseluruhannya, jumlah keperluan tenaga manusia dalam sektor pelancongan pada tahap ini mengalami penurunan sebanyak 18.65%. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi merupakan faktor penyumbang kepada peningkatan permintaan buruh dalam pasaran negara.

JADUAL 2: Nilai Unjuran Sektor Pelancongan pada Kadar Pertumbuhan 5.8%, 7.8% dan 3.8%

BIL	SEKTOR	5.80%	7.80%	3.80%
1	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	18,719,484	25,174,478	12,264,489
2	Perlombongan & Kuari	41,923	56,380	27,467
3	Pembuatan	88,982	119,665	58,298
4	Elektrik, Gas & Air	148,572	199,804	12,915
5	Pembinaan	3,609,346	4,853,949	2,364,744
6	Perdagangan Borong & Kenderaan Bermotor	16,972,555	22,825,160	11,119,950
7	Perdagangan Runcit	6,786,922	9,127,240	392,286
8	Hotel	166,366	223,733	108,998
9	Restoran			

		913,249	1,228,162	598,335
10	Pengangkutan	448,790	603,545	294,035
11	Pengangkutan Lain & Komunikasi	1,741,951	2,342,624	1,141,278
12	Kewangan & Insurans	506,367	680,976	331,757
13	Hartanah & Pemilikan Kediaman	1,014,874	1,364,831	664,918
14	Perkhidmatan Kerajaan	15,309	20,588	10,030
15	Hiburan & Rekreasi	12,819,114	17,239,499	8,398,730
16	Perkhidmatan Swasta	22,451,600	30,193,531	14,709,669
	TOTAL 2015	86,445,405	116,254,165	52,497,901
Hadj	TOTAL 2008	10,727,100	10,727,100	10,727,100

KESIMPULAN

Sektor pelancongan memberikan sumbangan yang besar kepada negara terutamanya dari segi menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Ini selari dengan usaha kerajaan dalam RMK-10 untuk menyalur Dana Fasilitasi kepada sektor yang terlibat dengan NKEA termasuklah sektor pelancongan. Ia dilihat sebagai suatu perkongsian pintar antara pihak kerajaan dan swasta dalam meningkatkan kualiti sektor pelancongan di Malaysia. Peningkatan yang drastik dalam output keluaran dan pendapatan dari industri pelancongan membuka peluang kepada negara untuk terus memajukan sektor ini. Pada tahun 2008, industri pelancongan telah menjana 1.7 juta pekerjaan iaitu hampir 16% daripada jumlah guna tenaga. Sektor pelancongan bukan sahaja membuka peluang pekerjaan rakyat malahan, ia berfungsi sebagai sektor yang mengurangkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar kesan daripada peningkatan kedatangan pelancong ke negara Malaysia.

Kajian ini dilakukan untuk membuat unjuran guna tenaga pada tahun 2015 berdasarkan kepada 3 senario pertumbuhan ekonomi iaitu pada keadaan ekonomi stabil pada kadar 5.8%, pada kadar ini, terdapat peningkatan drastik dalam sektor pelancongan dan semua subsektor dibawahnya iaitu subsektor hotel, restoran, perdagangan runcit, hiburan dan rekreasi serta subsektor pengangkutan. Pada tahap ini, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak 24.45% tenaga manusia pada tahun 2015. Subsektor yang mendominasi keperluan tenaga manusia pada tahap ini adalah hiburan dan rekreasi dan diikuti dengan subsektor pelancongan yang lain iaitu subsektor perdagangan runcit, restoran, pengangkutan serta subsektor yang paling rendah menyumbang keperluan tenaga manusia adalah subsektor hotel. Dengan jumlah keperluan tenaga manusia sebanyak 2.11 juta, keperluan tenaga manusia pada tahun 2015 menunjukkan bahawa sektor pelancongan bakal menjadi sektor yang semakin penting dalam menjana peluang pendapatan kepada rakyat. Manakala pada kadar pertumbuhan mengalami peningkatan kepada 7.8%, sektor pelancongan telah mengalami peningkatan dalam subsektor terutamanya dalam subsektor hiburan dan rekreasi serta perdagangan runcit. Jumlah keperluan tenaga manusia pula berjumlah 2.84 juta orang. Ini menunjukkan bahawa aktiviti mempromosi Malaysia dengan menggunakan ejen hiburan dan rekreasi mampu meningkatkan output keluaran yang seterusnya meningkatkan keperluan tenaga manusia dalam sektor tersebut. Manakala pada keadaan ekonomi yang menurun sebanyak 3.8%, sektor pelancongan masih mengalami peningkatan dalam keperluan tenaga manusia iaitu sebanyak 0.97 juta orang. Namun sasaran kerajaan bagi mencapai 2 juta pekerjaan dalam sektor pelancongan tidak tercapai sekiranya berada pada kadar 3.8%. Oleh itu, pelaksanaan dasar kerajaan perlu seiring dengan peningkatan dalam ekonomi negara bagi memastikan sasaran kerajaan pada tahun 2015 tercapai.

Berdasarkan RMK-10, kerajaan melakukan pelbagai perubahan dalam tempoh rancangan seperti menambah baik produk pelancongan, menyelenggara tempat pelancongan, mempromosi serta memperkenalkan pensijilan produk dan aktiviti bagi meningkatkan kualiti sektor pelancongan di Malaysia. Namun jika dilihat dengan lebih mendalam, perubahan yang drastik ini memerlukan jumlah tenaga manusia yang tinggi bagi menjamin sasaran kerajaan iaitu menjadikan Malaysia antara 10 negara

teratas dari segi pendapatan pelancongan global tercapai. Oleh itu, sasaran pendapatan akan tercapai sekiranya sasaran pekerjaan sebanyak 2 juta dalam sektor pelancongan tercapai.

Projek-projek yang meningkatkan kedatangan pelancong serta memerlukan tenaga buruh yang banyak adalah digalakkan. Ini bagi memastikan gunatenaga yang bergerak seiring dengan peningkatan dalam pendapatan sektor pelancongan. Antara contoh projek yang dilihat berpotensi memberi pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi di dalam sektor pelancongan ialah Iskandar Malaysia yang mencatat pelaburan komited sebanyak RM59 billion pada 2010 disamping memberi peluang pekerjaan sama rata dan peluang perniagaan kepada rakyat di sekitarnya.

RUJUKAN

- Bee Tin, P., Rahmah, I., Ishak, Y., Zulridah, MN., 2011. *An Input-Output Model For Manpower Requirements*. Journal of Contemporary Issues Thought, hlm. 69-94.
- Chaneya.S., Ryanb C., 2012. *Analyzing the evolution of Singapore's World Gourmet Summit: An example of gastronomic tourism*. *International Journal of Hospitality Management*, hlm . 309–318.
- Garfield, E., 1986. Wassily Leontif : *Pioneer of Input-Output Analysis. Essays of an Information Scientist*, Vol:9, hlm 272-281.
- Hojeghan S., Esfangareh A., 2011. *Digital economy and tourism impacts, influences and challenges*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, hlm. 308–316.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. *Data Siri Masa Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Industri, Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Akaun Satelit Pelancongan Malaysia 2001-2010*. Putrajaya .Percetakan Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jadual Input-Output, Malaysia. 2005. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia Standard Industrial Classification. 2000. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan
- Liu. A., Geoffrey W., 2006. *Planning tourism employment: a developing country perspective*. *Tourism Management Journal*, hlm 159–170.
- Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Mohd Yusof Saari & Zakariah Abdul Rashid. 2006. *Analisis dan Aplikasi Input-Output*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. *Laporan Tahunan 2010*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.
- Misyadi bin Mampusi. 2012. *Pelaburan Modal Manusia Dan Perubahan Komposisi Guna Tenaga Dalam Sektor Pembuatan Di Malaysia*. Tesis Sarjana Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patrick V Eijs, Lex B., 1996. *The use of RAS in manpower forecasting: A microeconomic approach*. *Economic Modelling* 13, hlm.257-287.
- Psacharopoulos. G., Hinchliffe K., Dougherty C., Hollister R., 1983. *Manpower Issues In Educational Investment A Consideration of Planning Processes and Techniques*. Staff Working Papers, No 624. Washington, DC: World Bank.
- Psacharopoulos. G., 2006. *World Bank policy on education: A personal account*. *International Journal of Educational Development* ,hlm. 329–338.
- Rahmah, I., Noorsiah, U., 2010. *Analysis of Labour Requirements in the Malaysian Services Sector*.
- Song. H., Gang.L., 2005. *Tourism Demand Modelling and Forecasting A Review of Recent Research*, hlm. 127-145.